

Minyak: Jaminan kpd syarikat2

KUALA LUMPUR, Khamis — Syarikat-syarikat minyak tempatan akan terus dibenarkan menjalankan kegiatan kerana sebahagian dari keperluan minyak mentah negara dibekalkan oleh mereka.

Memberi jaminan demikian di Dewan Rakyat petang ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata: "Kita masih perlukan syarikat-syarikat itu untuk mendapat bekalan minyak mentah."

Menjawab soalan tambahan Encik Muhyiddin Haji Mohd. Yassin (BN-Pagoh), Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, syarikat-syarikat minyak tempatan membuat perjanjian membeli minyak mentah dengan negara-negara pembekal di Timur Tengah, dan bukan dengan Kerajaan

Menjawab soalan tambahan Encik Muhyiddin Haji Mohd. Yassin (BN-Pagoh), Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, syarikat-syarikat minyak tempatan membuat perjanjian membeli minyak mentah dengan negara-negara pembekal di Timur Tengah, dan bukan dengan Kerajaan

Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, Petronas tidak akan menguasai pasaran minyak tempatan.

Encik Muhyiddin bertanya sama ada benar rundingan antara Petronas dengan syarikat-syarikat minyak tempatan baru-baru ini menemui jalan buntu kerana tidak mencapai persefahaman mengenai syarat-syarat ekuiti.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Memang ada rundingan antara Petronas dengan syarikat-syarikat minyak tentang kemungkinan mengadakan kilang penapis bersama secara

Tetapi, tambahnya, rundingan itu tidak mendatangkan hasil kerana Petronas ingin menjalankan usaha tersebut secara sendiri.

Menjawab soalan asal dari Tengku Noor Asiah (BN-Tumpat), beliau berkata, masalah bekalan diesel ada kaitan rapat dengan bekalan minyak mentah dunia.

Katanya, tidak ada bukti bahawa syarikat-syarikat minyak di negara ini mengurangkan bekalan minyak sehingga 5 peratus.

Akibat bekalan minyak mentah dunia meruncing, syarikat-syarikat tersebut melaporkan kepada kementerian bahawa mereka tidak mendapat bekalan yang cukup dari negara-negara pembekal, kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Beliau kemudian memberitahu Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar), Malaysia pada masa ini mengeluarkan 317,000 tong minyak mentah sehari dan menggunakan cuma 130,000 tong sehari



DR. MAHATHIR

No. Serai 2197
No. Pendaftaran 373/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia